



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

TELADAN SEPANJANG ZAMAN

Tarikh Dibaca :

**10 RABIULAWAL 1444H/
7 OKTOBER 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْ بَدَأَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TELADAN SEPANJANG ZAMAN

7 OKTOBER 2022 / 10 RABIULAWAL 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ الرَّسُولُ بِالْحَقِّ مِنْ رَبِّكُمْ فَآمِنُوا خَيْرًا لَكُمْ وَإِنْ تَكْفُرُوا

فَإِنَّ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ۝۱۰

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga segala ketaatan yang kita telah persembahkan kepada Allah SWT diberikan ganjaran yang sebaik-baiknya di sisi Allah SWT pada Hari Akhirat kelak. Bersempena **Maulidurrasul pada tahun 1444H** bertemakan “**Keluarga Malaysia Pemangkin Kemakmuran**”, khutbah pada hari ini membicarakan tajuk, “**Teladan Sepanjang Zaman**”.

Sebelum itu, khatib ingin menyeru kepada seluruh umat Islam untuk terus mengimarahkan masjid, melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar*, memelihara hubungan silaturrahim serta teruslah bertaubat dan bermunajat kepada Allah SWT dalam menempuh fitnah dunia yang semakin mencabar.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Allah SWT mengutuskan Nabi Muhammad SAW sebagai pembawa berita gembira dan pemberi peringatan kepada seluruh umat manusia. Diutusnya kepada seluruh umat manusia dengan rahmat yang membebaskan manusia dari cengkaman kejahilan dan penindasan kepada kehidupan yang lebih terpandu dan mengangkat keadilan sebagai prinsip asas kehidupan.

Kita menyambut Maulidurrasul bagi mengenang dan mengambil pengajaran yang sebanyak-banyaknya dari junjungan besar ini supaya kita dapat menanamkan kecintaan yang tinggi kepada Baginda SAW. Ulama telah menghuraikan dengan panjang tentang hukum menyambut Maulidurrasul ini. Antara ulama yang mengharuskan kita menyambut Maulidurrasul ialah; Imam Jalaluddin al-Suyuti, Imam Ibn Hajar al-Haithami, Imam Ibn al-Battal, Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi, Syeikh Dr. Wahbah al-Zuhaili, Syeikh 'Atiyyah Saqr, Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi dan lain-lain.

Dalam satu hadis, disebutkan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً، فَلَهُ أَجْرُهَا، وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ، مِنْ غَيْرِ أَنْ
يُنْقُصَ مِنْ أَجْرِهِمْ شَيْءٌ

Maksudnya: *“Barangsiapa yang melakukan (merintis) dalam Islam sesuatu perkara yang baik maka dia akan mendapatkan pahala daripada perbuatan baiknya tersebut, dan dia juga mendapatkan pahala dari orang yang mengikutinya selepasnya, tanpa dikurangkan pahala mereka sedikitpun”.* (Hadis riwayat Imam Muslim)

Asasnya, sambutan Maulidurrasul merupakan suatu usaha yang baik dalam usaha kita menanamkan rasa kasih dan cinta kepada Nabi Muhammad SAW asalkan ia diisi dengan pengisian yang baik seperti tazkirah, pembacaan kitab sirah atau hadis dan lain-lain.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Allah SWT mengutuskan Nabi Muhammad SAW dengan menjadikan baginda sebagai suri teladan yang paling baik untuk diikuti. Rasulullah SAW merupakan anak, suami,

bapa, juga seorang ketua negara. Maka, kita sebagai umatnya, yang turut memiliki peranan dan tanggungjawab itu hendaknya mencontohi Rasulullah SAW supaya dengannya kita mendapat keredhaan Allah SWT dan ganjaran dari-Nya. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ

كَثِيرًا ۝

Maksudnya: *“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”*.

Dalam konteks kepimpinan negara, Rasulullah SAW telah berjaya menyatukan masyarakat yang sebelumnya sering berselisih dan mengutamakan qabilah masing-masing. Namun, atas semangat persaudaraan Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW, masing-masing boleh hidup bersama-sama dalam suasana harmoni, berkasih sayang antara satu sama lain serta saling membantu.

Rasulullah SAW memiliki semangat kemanusiaan yang sangat tinggi di samping tegas mempertahankan prinsip kebenaran dan keadilan. Dengan ketegasan itu, Rasulullah SAW membela kaum-kaum yang lemah dan sering ditindas ketika zaman jahiliyah. Kebenaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW ini mesti diimani dan dipegang dengan teguh sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Nisaa’ ayat 170 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Wahai sekalian umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul Allah (Muhammad SAW) dengan membawa kebenaran dari Tuhan kamu, maka berimanlah kamu (kerana yang demikian itu) amatlah baiknya bagi kamu. Dan jika kamu kufur ingkar (maka kekufuran kamu itu tidak mendatangkan kerugian apa-apa kepada Allah), kerana sesungguhnya bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan di bumi; dan Allah sentiasa Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Perubahan cuaca yang berlaku kebelakangan ini menjadi salah satu bukti yang sangat nyata bahawa Allah SWT Maha Berkuasa ke atas tiap-tiap makhluk-Nya. Ia juga secara tidak langsung merupakan peringatan yang sangat jelas kepada seluruh umat manusia supaya sentiasa patuh, taat kepada arahan Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya. Kenikmatan yang sedang dikecapi boleh ditarik dan dihancurkan bila-bila masa sahaja. Inilah hakikat kehidupan di dunia yang sementara.

Daripada pengalaman yang telah kita lalui saban tahun, perubahan cuaca yang berlaku menuntut supaya kita lebih bersiap-siaga menghadapi sebarang bentuk kemungkinan berlakunya bencana. Kesiapsiagaan menghadapi bencana merupakan satu usaha dan tindakan berterusan yang perlu sentiasa dikemas kini agar kita dapat mengelakkan kemusnahan, kecederaan atau kehilangan nyawa bertepatan dengan asas pemeliharaan Maqasid al-Syariah seperti pemeliharaan akal, nyawa dan harta.

Kesan dari bencana seperti kehilangan nyawa, akal atau harta, semasa atau pasca bencana bukanlah mudah untuk dihadapi apatah lagi melibatkan kehilangan nyawa yang tiada galang ganti. Ia memerlukan sokongan psikososial dan psikospiritual untuk waris bangkit semula bagi meneruskan kesinambungan ekonomi dan keluarga.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Hakikatnya, segala yang berlaku di atas dunia ini merupakan ketetapan Allah SWT. Hal ini merupakan sebahagian dari pokok keimanan yang mesti dipegang oleh setiap umat Islam. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang bermaksud: *“Seseorang itu (dikira) tidak beriman sehingga dia mengimani takdir (sama ada takdir) yang baik dan yang buruk”*. **(Hadis riwayat Imam Ahmad)**

Sungguhpun begitu, kita juga hendaklah mengakui bahawa perubahan iklim, bencana dan kerosakan yang berlaku di atas dunia ini berpunca dari kesilapan diri kita sendiri sebagaimana dinyatakan oleh Allah SWT dalam Surah al-Nisaa' ayat 79:

مَا أَصَابَكَ مِنْ حَسَنَةٍ فَمِنَ اللَّهِ وَمَا أَصَابَكَ مِنْ سَيِّئَةٍ فَمِنْ نَفْسِكَ وَأَرْسَلْنَاكَ لِلنَّاسِ
رَسُولًا وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا ۝٧٩

Maksudnya: “Apa jua kebaikan (nikmat kesenangan) yang engkau dapati maka ia adalah dari Allah; dan apa jua bencana yang menimpamu maka ia adalah dari (kesalahan) dirimu sendiri. Dan Kami telah mengutus engkau (wahai Muhammad) kepada seluruh umat manusia sebagai seorang Rasul (yang membawa rahmat). Dan cukuplah Allah menjadi saksi (yang membuktikan kebenaran hakikat ini)”.

Manakala dalam Surah al-Rum ayat 41, lebih jelas lagi bahawa segala kerosakan yang berlaku di atas muka bumi ini merupakan hasil dari tangan-tangan manusia sendiri. Allah SWT berfirman yang maksudnya: “Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam menghadapi perubahan iklim dan kemungkinan bencana, khatib ingin menekankan beberapa perkara yang mesti menjadi perhatian kita semua;

Pertama, setiap umat Islam wajib meningkatkan keimanan dan ketakwaannya kepada Allah SWT dan melaksanakan segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya. Banyaknya kemungkaran yang berlaku hanya mengundang kemurkaan Allah SWT dan azab seksa yang pedih dari-Nya.

Kedua, setiap umat Islam wajib melaksanakan *amar ma'ruf* (menyuruh melakukan kebaikan) dan *nahi munkar* (menegah sebarang bentuk kemungkaran) supaya berterusan mengingatkan manusia untuk sentiasa berada atas landasan keredhaan-Nya.

Ketiga, selain mempersiapkan iman, persiapan fizikal juga perlu dilakukan dengan secukupnya. Dokumen-dokumen penting, bekalan makanan, pakaian, dan sebagainya perlu dipersiapkan dengan rapi dan berterusan.

Akhir sekali, sebagai Muslim, marilah kita merenungi diri dengan sentiasa bermuhasabah dan bertaubat kepada Allah SWT memohon keampunan dari-Nya atas segala kelalaian dan dosa yang telah dilakukan. Tingkatkan ketakwaan kepada-Nya dengan patuh kepada perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan itu, kita semua sentiasa mendapat pertolongan dan perlindungan Allah SWT sesuai dengan janji-Nya sebagaimana yang terkandung dalam Surah al-A'raaf ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ٩٦

Maksudnya: “Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ
 الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa jua perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
 تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
 آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.
 وَأَرْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَأَرْضِ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ .
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ
مَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكَ بِكَيْنِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اِكْوَعْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ
الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ .
وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكَ بِكَيْنِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اِكْوَعْ،
تُونُوكُو حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونَهُ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ
سُلْطَانَ إِسْكَندَرَ الْحَاجِ .
اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .
اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ ، وَالْجُنُونِ ، وَالْجُدَامِ ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ ، يَا
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.